

**NO. SOALAN: 498**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**RUJUKAN : 8817**

**SOALAN:**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy[ Kapar ]minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) secara terperinci mengenai langkah-langkah pemantauan dan pencegahan kemasukan elemen keganasan di pintu masuk negara, termasuk lapangan terbang, pelabuhan dan stesen kereta api; dan
- (b) kecuaian pihak Malaysia Airlines membenarkan 103 orang penumpang MH741 dari Myanmar ke KLIA masuk ke negara tanpa pemeriksaan pihak imigresen, dan tindakan yang diambil untuk membetulkan keadaan ini.

**JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia telah melaksanakan beberapa tindakan bagi memantau dan mencegah kemasukan elemen keganasan di pintu-pintu masuk utama seluruh negara. Antara tindakan yang telah dilakukan dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:**

- 1) secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis telah membuat pemantauan rapi dan menjelaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut di semua pintu-pintu masuk utama negara;**
  
- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**

- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warga negara asing dapat ditapis dengan lebih walaupun terperinci;
- 4) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi kumpulan pengganas ini agar pergerakan mereka dapat dikekang seawal di pintu masuk utama negara lagi; dan
- 5) Menahan mereka di bawah undang-undang seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Imigresen 1959/63.

Bagi menjawab soalan (b) pula, isu ini berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri memandang serius perkara ini kerana ia melibatkan isu keselamatan negara dan berharap ia tidak berulang lagi di masa hadapan.